

LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DALAM SEKTOR PEMBALAKAN DI NEGERI PAHANG (2022)

DAERAH : LIPIS
HUTAN SIMPAN : ULU JELAI (TAMBAHAN)
KOMPARTMEN : 48, 258 DAN 261

Penilaian Impak Sosial (SIA) di kawasan pembalakan di atas telah dilakukan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Lipis dalam tempoh sebelum, semasa dan selepas aktiviti pembalakan dijalankan di bagi tempoh 2021 hingga 2022.

Bagi kajian impak sosial yang telah dikemukakan ke atas penduduk setempat di Kampung Kuala Koyan untuk sepanjang tempoh sebelum, semasa dan selepas pembalakan, hasil kajian adalah seperti berikut:

SEBELUM AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Berdasarkan respon awal yang diberi oleh para responden, tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Bahkan dengan adanya aktiviti pembalakan tersebut dijangka berlakunya peningkatan ekonomi penduduk setempat, penambahbaikan infrastruktur, tiada penularan penyakit berjangkit, tiada gejala sosial negatif yang akan mempengaruhi penduduk setempat, perubahan alam sekitar dalam keadaan terkawal dan kepelbagaian flora dan fauna dapat dipelihara.

Secara keseluruhannya, bersetuju akan aktiviti pembalakan yang akan berlangsung di HS Ulu Jelai (Tambahan) kelak dan ulasan daripada Pejabat Hutan Daerah Lipis adalah pemantauan terhadap kawasan lesen akan dijalankan secara berkala dan kontraktor pembalakan hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan oleh jabatan.

SEMASA AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang mula kuatkuasa tahun 2019)

Berdasarkan respon daripada penduduk setempat, didapati penduduk di sekitar HS Ulu Jelai (Tambahan), tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna.

Hasil daripada maklumbalas yang diterima daripada penduduk setempat, pembalakan tidak menjejaskan aktiviti ekonomi tradisional / baharu komuniti tempatan sebaliknya telah memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dalam sektor pembalakan. Manakala, dari segi sosial, wakil penduduk telah memberi maklumbalas bahawa berlaku perubahan setelah jalan balak dibina. Antara perubahan-perubahan tersebut adalah dari segi penggunaan hasil hutan oleh komuniti dan orang luar meningkat, peningkatan aksesibiliti orang luar memasuki perkampungan serta lain-lain lagi.

Selain itu juga, aktiviti pembalakan telah sedikit menjejaskan keselesaan/ keselamatan/ kesihatan komuniti tempatan seperti keadaan jalan kampung, keselamatan lalu lintas di jalan kampung dan persekitaran serta kualiti udara akibat laluan kenderaan balak turut terjejas. Walaubagaimanapun, hal ini dapat ditangani dengan membuat kawalan pergerakan dan masa untuk lori balak keluar masuk melalui kawasan kampung.

Secara keseluruhannya, tiada bantahan diterima oleh penduduk Kampung Kuala Koyan terhadap aktiviti pembalakan yang sedang berlangsung.

SELEPAS AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang mula kuatkuasa tahun 2019)

Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Kuala Koyan adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun demikian, tidak dinafikan akibat daripada aktiviti pembalakan telah memberikan sedikit kesan dari segi alam sekitar iaitu berlakunya peningkatan kebakaran hutan, pencemaran alam sekitar seperti sampah, sisa pepejal dan lain-lain. Selain daripada itu, akibat daripada pembukaan kawasan pembalakan sedikit sebanyak mengakibatkan hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur.

Secara keseluruhannya wakil penduduk berpendapat kesan daripada pembukaan kawasan pembalakan akan menyebabkan spesies kepelbagaian flora dan fauna terancam dan tiada bantahan diterima daripada penduduk setempat setelah aktiviti pembalakan selesai dijalankan.